

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SBP200 - Teori Pembangunan I

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan daripada tujuh soalan-soalan berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama. Tulisan **KABUR** dikenakan potongan markah.

1. Bincangkan persoalan berhubung dengan kependudukan dan pembangunan. Apakah pendekatan paling sesuai untuk menerangkan keadaan yang terdapat pada kebanyakan Negara Dunia Ketiga pada hari ini. **(100 markah)**

2. Bandingkan pendekatan tahapan linear Rostow dengan Model Ketergantungan. Yang manakah pada pendapat anda menerangkan realiti keterbelakangan dan pembangunan Dunia Ketiga? Bincangkan.

**[100 markah]**

3. Bincangkan hujah-hujah asas pendekatan golongan konservatisma pasaran bebas atau ekonomi berdasarkan penawaran (*supply-side economics*).

Sejauh manakah kesahihan dan kekuatan (atau sebaliknya) hujah-hujah mereka menganalisis dan menjawab masalah pembangunan Negara Dunia Ketiga?

**[100 markah]**

... 2/-

4. "Pertumbuhan ekonomi adalah perlu tetapi tidak merupakan syarat yang cukup untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamarataan".

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk pengalaman pembangunan sebuah Negara Dunia Ketiga.

[100 markah]

5. Tulis nota-nota ringkas tentang konsep-konsep berikut:

- [a] Hipotesis Kuznet
- [b] Model Pertumbuhan Mudah Harrod-Domar
- [c] Keluk Lorenz dan Angkali Gini
- [d] Model Buruh Lebihan Lewis

[100 markah]

6. Jelaskan proses pertumbuhan ekonomi dari sudut analisis kemungkinan-pengeluaran. Apakah punca-punca dasar pertumbuhan ekonomi dan bagaimana perkara-perkara ini boleh dijelaskan dengan menggunakan gambarajah perbatasan kemungkinan pengeluaran.

[100 markah]

7. Bincangkan peranan kesihatan dalam pembangunan sosio-ekonomi. Apakah impak pembangunan ke atas kesihatan masyarakat manusia?

[100 markah]